



MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)

Agensi Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah

KENYATAAN SEBUT HARGA

Tawaran adalah dipelawa kepada pembekal yang berpengalaman, berkelayakan dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia bagi melaksanakan kerja-kerja berikut:

SEBUT HARGA SEMULA CADANGAN PENAMBAHAN PERKAKASAN DAN PENYELENGGARAAN SISTEM M.KAD DI IBU PEJABAT MARA

NO SEBUT HARGA	KOD BIDANG	TEPOH PENJUALAN	HARGA SENASKHAH DOKUMEN	TARIKH TUTUP
086/2015/1	120503, 210101, 210102, atau 220402	08/01/2015 hingga 16/01/2015	PERCUMA	19/01/2015 (sebelum 12.00 tengah hari)

- Pembekal hendaklah mengemukakan sijil-sijil berikut yang masih sah tempohnya untuk semakan sebelum dibenarkan mengambil dokumen:-
 - Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat dengan KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA
- Satu (1) salinan SIJIL-SIJIL di atas hendaklah dikemukakan untuk simpanan MARA semasa membeli dokumen. MARA berhak menolak permohonan yang pada tanggapan MARA tidak layak.
- Dokumen sebut harga boleh diperolehi pada waktu pejabat (8.30 pagi - 4.30 petang) seperti alamat di bawah. Dokumen sebut harga tidak akan dijual selepas tempoh ini. Satu (1) pembekal hanya dibenarkan mengambil satu (1) dokumen sebut harga bagi setiap sebut harga dan mengemukakan satu (1) tawaran sebut harga sahaja.
- Semua kos yang berkaitan dengan Tawaran Kerja di atas adalah tanggungjawab pembekal.
- MARA tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah atau sebarang tawaran. MARA berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.
- Dokumen sebut harga yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeterai dan bertanda dengan No. Sebut Harga dan Tajuk Kerja di sebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga seperti alamat di bawah:-

Pengarah
Bahagian Pengurusan Aset Dan Perolehan
Tingkat 10, Ibu Pejabat MARA, 50609 Kuala Lumpur.
Pada atau sebelum tarikh tutup sebut harga jam 12.00 tengahari

- Dokumen sebut harga yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup tidak akan diterima. Maklumat ringkas tawaran di atas boleh dilayari di <http://www.mara.gov.my>